

TARIKH : 6 FEBUARI 2016

AKHBAR : SINAR HARIAN

M/S : 42

TAJUK : [PORT DICKSON]
BERNIAGA DI TAPAK KHAS DISEDIAKAN
(SAMBUNGAN)

PORT DICKSON - Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) mengambil inisiatif menghimpunkan semua penjaja bergerak di dua kawasan iaitu Pantai Bagan Pinang dan Pantai Saujana, di sini, ke kawasan khas yang telah ditetapkan.

Operasi pemiagaan di lokasi baharu itu membabitkan lebih kurang 20 penjaja termasuk peniaga trak makanan.

Inisiatif itu dilakukan selepas mengambil kira semua aspek melibatkan peniaga dan pelancong yang datang ke Port Dickson.

MPPD sebelum ini banyak menerima rungutan daripada pengunjung yang memaklumkan mereka terganggu dan kurang selesa dengan tahap kebersihan pantai yang kotor dengan sisa makanan.

Tarikh akhir hujung Februari

Yang Dipertua MPPD, Datuk Ab Khalid Mat berkata, pihaknya telah menyediakan dua tapak khas untuk operasi peniaga iaitu di Pusat Penjaja Bergerak Sungai Seguni dan Batu 4.

Menurutnya, Ahli Majlis MPPD akan mengadakan perjumpaan dengan semua penjaja bergerak pada masa terdekat dan notis pindah operasi ke pusat penjaja khas telah diedarkan sejak Januari lalu.

"Peniaga perlu berpindah dari kawasan parkir kenderaan awam ke kawasan pusat penjaja selewat-lewatnya akhir Februari ini. Jika gagal berbuat demikian, mereka akan dikenakan tindakan," katanya.

Beliau berkata, MPPD telah menyediakan kawasan yang lebih selesa yang dilengkapi kemudahan elektrik dan air untuk kegunaan peniaga di lokasi baharu.

Ab Khalid berkata, Pusat Penjaja Sungai Seguni yang menempatkan enam lot untuk peniaga beroperasi adalah fasa pertama penstrukturan



Penjaja bergerak yang berniaga di tempat parkir MPPD.

semula lokasi penjaja bergerak.

"Fasa kedua akan dilaksanakan, bagaimanapun, penelitian dan penambahan akan dinilai semula berdasarkan projek fasa pertama ini," katanya.

Peka keselamatan, kebersihan

Beliau berkata, pihaknya tidak

menafikan, pemindahan operasi penjaja bergerak ke Pusat Penjaja Bergerak Sungai Seguni menimbulkan sedikit kerisauan terutama aspek keselamatan.

Menurutnya, orang awam perlu melintas jalan dari kawasan pantai ke tapak khas penjaja untuk mendapatkan makanan.



Antara kenderaan yang dijadikan stor dan ditinggalkan peniaga di tempat parkir MPPD.

"Kami sudah meneliti perkara itu dan akan meningkatkan dan menambah isyarat keselamatan seperti papan tanda di sepanjang beberapa meter jalan berkenaan.

"Kami juga akan menambah baik kemudahan berkenaan mengikut keperluan semasa kerana pihak kami sentiasa meletakkan kebersihan dan keselamatan pengunjung sebagai keutamaan," katanya.

Tidak ikut konsep ditetapkan

Ab Khalid berkata, konsep penjaja bergerak beroperasi di kawasan MPPD sejak hampir lima tahun lalu bermula dengan hanya beberapa peniaga dan kini mencecah lebih kurang 20 orang.

Jelasnya, MPPD telah menyediakan tapak khas untuk mereka berniaga namun kebanyakannya tidak berbuat demikian sebaliknya berniaga di kawasan parkir awam MPPD.

"Lebih mendukacitakan, segelintir mereka meninggalkan kenderaan bergerak berkenaan yang dijadikan stor menyimpan barang di parkir walaupun tidak berniaga.

"Tindakan mereka ini bukan sahaja melanggar undang-undang ditetapkan MPPD, malah memberi gambaran dan pandangan tidak menarik di kawasan pantai peranginan," katanya.

Beliau berkata, konsep asal penjaja bergerak ialah peniaga hanya menjual makanan yang sudah siap dimasak.

Tetapi, perkara sebaliknya berlaku apabila mereka menjual makanan yang dimasak di lokasi.

"Apa yang menyedihkan, ada peniaga yang membuka meja untuk pelanggan menjamu selera. Jika mereka mahu berniaga begitu, mereka dinasihatkan menyewa gerai MPPD kerana banyak gerai yang disediakan masih boleh disewa peniaga," katanya.

Ab Khalid berkata, pihaknya tidak mahu kawasan parkir terus dicemari sisa mihak masakan peniaga dan itu antara perkara yang menjadi rungutan pengunjung.

Ambil pendekatan mendidik

Pada masa sama, beliau turut mengakui pihaknya perlu bekerja keras untuk mendidik peniaga terlibat agar mengamalkan amalan penjaja bergerak dengan konsep sebenar.

Menurutnya, ia usaha yang sangat mencabar, terutama ketika melaksanakan penguatkuasaan terhadap pematuhan lesen penjaja bergerak MPPD kerana perlu berhadapan kesulitan termasuk tohmahan.

"Walaupun bagaimanapun, ia tidak mematahkan semangat penguat kuasa MPPD dan menganggap ia salah satu cabaran dan sentiasa memotivasi diri untuk terus berkhidmat dengan lebih baik dari semasa ke semasa," katanya.

MPPD juga telah mewujudkan enam kawasan pemiagaan bagi lesen penjaja bergerak mengikut zon.